

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : DALAM NEGERI

Suntikan filler perlu sijil LCP

KUALA LUMPUR 3 Feb. - Rawatan suntikan dermal filler (filler) hanya boleh dilakukan oleh pengamal perubatan berdaftar yang memegang sijil Letter of Credentialing & Privileging of Aesthetic Medical Practice (LCP).

Menurut Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, pihaknya memandang serius isu membabitkan penawaran suntikan filler yang kini rancak ditawarkan oleh individu atau pusat kecantikan tidak bertauliah.

Beliau berkata, untuk tahun lalu sahaja, kementerian menyerbu 13 premis yang didapati menawarkan rawatan perubatan estetik termasuk filler secara haram di seluruh negara.

"Ingin saya tegaskan bahawa suntikan filler hanya boleh dilakukan untuk rawatan menggunakan filler yang diluluskan oleh Pentadbiran

Makanan dan Ubat-ubatan Amerika Syarikat (FDA) sahaja.

"Kementerian Kesihatan tidak mengawal selia spa atau pusat kecantikan tetapi jika didapati ia menawarkan rawatan perubatan estetik seperti

filler, mereka jelas telah melanggar Seksyen 4 di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Akta 586)," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Mingguan Malaysia hari ini mendedahkan keatasuban golongan

wanita terhadap suntikan filler adalah amat membimbangkan.

Noor Hisham menambah, mana-mana individu atau syarikat yang didapati menyediakan perkhidmatan rawatan estetik di spa boleh disifatkan sebagai menyediakan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta tanpa berdaftar atau berlesen dengan kementerian.



NOOR HISHAM